



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (67) 02/10

## LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI PERTAHANAN KE KUWAIT

1. **KUWAIT CITY - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** telah mengetuai delegasi Malaysia buat kali pertamanya dalam lawatan kerja rasmi ke Kuwait dari **6 hingga 10 Oktober 2024** sejak beliau menyandang jawatan tersebut pada Disember 2023.
2. YB Menteri Pertahanan memulakan lawatan rasmi pada 7 Oktober 2024 dengan mengadakan **kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama (TYT) Sheikh Fahad Yousef Saud Al-Sabah, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negara Kuwait** di Kementerian Pertahanan Kuwait.
3. Pertemuan ini amatlah signifikan dan berimpak tinggi buat kedua-dua Menteri Pertahanan dalam membincangkan usaha untuk **meningkatkan kerjasama pertahanan dua hala dalam pelbagai bidang seperti kerjasama ketenteraan, pertukaran maklumat dan sains, teknologi dan industri pertahanan**. Kedua-dua negara kini di peringkat akhir rundingan ***Memorandum of Understanding on Defence Cooperation*** untuk dimuktamadkan dan dijangka ditandatangani pada tahun 2025 di Kuala Lumpur.
4. Semasa pertemuan tersebut, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin secara rasminya telah memaklumkan kepada TYT Sheikh Fahad Yousef Saud Al-Sabah berkenaan **hasrat Kerajaan Malaysia untuk memperoleh pesawat-pesawat pejuang F/A-18C/D Hornet milik Kuwait Air Force (KAF) untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)** dalam usaha mempertingkatkan keupayaan pertahanan udara negara.
5. YB Menteri Pertahanan juga telah menyatakan **hasrat untuk memulakan rundingan bagi mengenal pasti kaedah perolehan dan manfaat yang boleh menguntungkan kedua-dua negara**. Kedua-dua pemimpin juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan luar rantau khususnya berkaitan situasi keselamatan dan konflik yang sedang berlaku di Timur Tengah.
6. Seterusnya, **YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin** telah mengadap kehadapan **Yang Mulia Sheikh Dr. Muhammad Sabah Al-Salem Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait di Istana Bayan**. Kedua-dua pihak telah bertukar pandangan dan menyatakan kerisauan berhubung peningkatkan konflik yang sedang melanda di rantau Timur Tengah, khususnya di Palestin dan Selatan Lubnan. Kedua-dua pemimpin juga **bersetuju agar konflik tersebut diselesaikan secara rundingan damai dan mematuhi resolusi-resolusi yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**.

7. Pada hari yang sama, YB Menteri Pertahanan dan delegasi telah melawat Pangkalan Udara Ahmed Al-Jaber dan telah diraikan dalam satu Majlis Makan Malam Rasmi yang dihoskan oleh TYT Sheikh Fahad Yousef Saud Al-Sabah. Kerjasama dua hala ini penting bagi **menyokong Tonggak Strategi Pertahanan Ketiga** iaitu “**Perkongsian Berwibawa**” seperti digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan yang menekankan kepentingan hubungan antarabangsa dalam memastikan keselamatan negara, kedaulatan serantau dan keamanan sejagat.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**

**8 Oktober 2024**